



Jurnal Qiraat
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, VOL 7 Bil 2, Halaman 64-71

Ism Fā'il Dalam Ikhtilaf Qiraat Di Sisi Imam Ibn 'Aṭīyyah Dalam Tafsir Al-Muḥarrar Al-Wajīz

The difference in Qiraat of Ism Fa'il with other formats from the interpretive perspective of Imam Ibn 'Atiyyah in Tafsir al-Muḥarrar al-Wajiz

Fairuz A Adi^{1*}, Md Noor Husin², Redha Mohamad³ & Ikram Md Nawi⁴

¹Jabatan al-Quran wa Ulumihi, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02600, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Kajang Selangor, Malaysia.

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

⁴Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Kajang Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Fairuz A Adi. Jabatan al-Quran wa Ulumihi, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02600, Malaysia, fairuzaadi@kuiips.edu.my, 0132081291, ORCID iD 0000-0003-1371-4291

Artikel dihantar: 5 September 2024

Artikel diterima: 3 Disember 2024

Artikel diterbit: 26 Disember 2024

ABSTRACT

This article discusses the differences in recitation in the Qur'an from the perspective of ism fā'il, especially in the context of Imam Ibn 'Aṭīyyah's interpretation in his book, Tafsir al-Muḥarrar al-Wajīz. This study uses a qualitative method with the collection of library data, analyzing the differences in these recitation and their effect on the interpretation of the Qur'an. The collection of data on ikhtilaf qiraat ism fā'il is from the books of rasm al-Qur'an such as Samīr al-Ṭālibīn, al-Muqni' and Mukhtaṣar al-Tanzīl. This study identifies six categories of ikhtilaf qiraat ism fā'il found in the Qur'an and written with different rasm in Maṣāḥif 'Uthmāniyyah namely ṣifat mushabbahah, maṣdar, fi'l māḍī, fi'l muḍāri', jam' al-taksīr and the word "سَاحِرٌ". The results of the study show that the difference in recitation has a significant effect on the interpretation of the Qur'an. Based on the six categories above, the findings show that differences in recitation (qiraat) lead to varying interpretations, except for certain qiraats of words that convey the same meaning.. This study contributes to a deeper understanding of the knowledge of qiraat and interpretation of the Qur'an, in addition to highlighting the greatness of Imam Ibn 'Aṭīyyah in the field of interpretation.

Keywords

Ibn 'Aṭīyyah; al-Muḥarrar al-Wajīz; ism fā'il; qiraat

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan perbezaan qiraat dalam al-Quran dari sudut *ism fā'il*, khususnya dalam konteks tafsiran Imam Ibn 'Atīyyah dalam karyanya, Tafsir *al-Muḥarrar al-Wajīz*. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pengumpulan data perpustakaan, menganalisis perbezaan qiraat ini dan kesannya terhadap tafsiran al-Quran. Pengumpulan data mengenai *ikhtilaf* qiraat *ism fā'il* adalah daripada kitab-kitab ilmu *rasm al-Qur'an* seperti *Samīr al-Ṭālibīn*, *al-Muqni'* dan *Mukhtaṣar al-Tanzīl*. Kajian ini mengenal pasti enam kategori *ikhtilaf* qiraat *ism fā'il* didapati dalam al-Quran dan ditulis dengan *rasm* yang berbeza dalam *Maṣāḥif 'Uthmāniyyah* iaitu *ṣifat mushabbahah*, *maṣdar*, *fi'l māḍī*, *fi'l muḍāri'*, *jam' al-taksīr* dan kalimah “ساجر”. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan qiraat memberikan kesan yang signifikan terhadap pentafsiran al-Quran. Berdasarkan enam kategori di atas, dapatan menunjukkan perbezaan qiraat memberikan pentafsiran yang berbeza antara satu sama lain kecuali qiraat pada beberapa kalimah yang memberi makna yang sama. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang ilmu qiraat dan tafsiran al-Quran, di samping menonjolkan kehebatan Imam Ibn 'Atīyyah dalam bidang keilmuan tafsir.

Kata Kunci

Ibn 'Atīyyah; *al-Muḥarrar al-Wajīz*; *ism fā'il*; qiraat

How to Cite: A. Adi, M. F., Md Noor Husin, Mohamad, M. R., & Mohd Nawi, M. I. (2024). *Isim Fā'il Dalam Ikhtilaf Qiraat Di Sisi Imam Ibn 'Atīyyah Dalam Tafsir Al-Muḥarrar Al-Wajīz: The difference in Qiraat of Ism Fa'il with other formats from the interpretive perspective of Imam Ibn 'Atīyyah in Tafsir al-Muḥarrar al-Wajiz. QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 64–71.

DOI <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/85>

1.0 PENGENALAN

Qiraat merupakan salah satu cabang ilmu penting dalam ilmu al-Quran yang berkaitan dengan cara penyebutan teks al-Quran. Qiraat merujuk kepada pelbagai gaya atau cara membaca al-Quran yang berbeza-beza, tetapi kesemua cara ini diiktiraf sebagai sah dan sahih dalam tradisi Islam. Asal-usul Qiraat boleh dikesan sejak zaman Nabi Muhammad SAW, di mana baginda mengajar para sahabatnya membaca al-Quran dengan pelbagai gaya yang berbeza sesuai dengan keperluan masyarakat ketika itu.

Setiap gaya qiraat mempunyai peraturan dan kaedah tersendiri yang menentukan cara bacaan yang betul, termasuklah dalam hal-hal sebutan, tajwid, dan hukum-hukum yang berkaitan. Walaupun terdapat perbezaan dalam gaya bacaan, tetapi kesemua qiraat adalah sah dan dianggap sebagai warisan penting dalam warisan keilmuan Islam dengan syarat qiraat tersebut mempunyai sanad yang sah sampai kepada Rasulullah SAW. Ibn al-Jazarī (t.th.) menyatakan bahawa semua qiraat yang bersesuaian dengan bahasa Arab walaupun dari satu segi, bersesuaian dengan Mashaf 'Uthmānī walaupun dengan satu bentuk pentafsiran dan sahih sanadnya, maka itu adalah qiraat yang benar dan tidak boleh diingkari.

Selain dari sudut riwayat, pengajian qiraat juga penting dalam pemahaman al-Quran, kerana ia membolehkan para sarjana dan ahli tafsir untuk mendalami variasi bacaan yang ada dan memahami maksud dan hikmah yang tersirat di sebaliknya. Malah ilmu qiraat merupakan ilmu yang penting dan amat berkait rapat dengan pentafsiran sehingga dijadikan satu syarat dalam pentafsiran al-Quran (Nuruddin 'Itr, 1993).

Terdapat pelbagai bentuk perbezaan qiraat dalam al-Quran. Ada yang tiada langsung melibatkan perubahan makna dan hanya melibatkan perubahan cara sebutan atau loghat seperti perbezaan antara bacaan *fath* dan *imalah*, *naql* dan *tahqiq*, *tashil* dan *ibdal* dan seumpamanya. Ada yang melibatkan perubahan sedikit seperti perbezaan ganti nama, bentuk *fiil* dan seumpamanya dan ada yang banyak seperti perbezaan asal perkataan atau etimologi (Ismail Abd Halim et. al, 2022).



Antara bentuk perbezaan qiraat dari sudut *ism fā'il*. Penulisan ini membincangkan perbezaan qiraat yang melibatkan bentuk *ism fā'il* serta perkaitan perbezaan qiraat tersebut dengan pentafsiran menurut sisi pandang imam mufasir Ibn 'Atiyyah dalam karya tafsir beliau *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan data-data perpustakaan. Pengumpulan data mengenai *ikhtilaf* qiraat *ism fā'il* adalah daripada kitab-kitab ilmu *rasm al-Qur'an* terutamanya kitab *Samīr al-Tālibīn* karya imam al-Dabbā' (w.1381H), *al-Muqni'* oleh imam al-Dānī (w.444H) menerusi kitabnya *al-Muqni'* dan imam Abū Dawūd (w.496H) dalam kitabnya *Mukhtaṣar al-Tanzīl*. Kitab tafsir *al-Muḥarrar al-Wajīz* karya imam Ibn 'Atiyyah pula menjadi fokus utama dalam kajian ini. Perbincangan Ibn 'Atiyyah terhadap qiraat berkaitan *ism fā'il* dianalisis seterusnya mengenalpasti kesan qiraat terhadap pentafsiran. Selain itu, karya Arab terutamanya kitab yang membincangkan asal suatu istilah Arab seperti *mu'jam* dan kamus bahasa Arab disamping, kitab-kitab *tawjīh al-qirā'āt* juga dijadikan panduan kerana ia merupakan karya khusus yang membincangkan hujah dan pentafsiran setiap *ikhtilāf* qiraat yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran.

3.0 IBN 'AṬIYYAH DAN TAFSIR AL-MUḤARRAR AL-WAJĪZ.

Tafsir *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz* merupakan karya tafsir yang dihasilkan oleh Imam Ibn 'Atiyyah yang merupakan seorang hakim di bandar al-Mariyyah. Nama sebenar beliau ialah 'Abd al-Ḥaq bin Ghālib bin 'Abd Raḥmān bin 'Atiyyah. (al-Dhahabi, 2005; al-Suyūṭi, 1976). Gelaran beliau ialah Abū Muḥammad dan lebih dikenali dengan nama Ibn 'Atiyyah bersempena nama moyang beliau bernama 'Atiyyah. Ibn 'Atiyyah lahir pada tahun 480H di Gharnāṭah atau dikenali sebagai Granada yang merupakan salah satu bandar utama yang terletak di utara Sepanyol yang dahulunya dikenali sebagai Andalus (Zirikli, 2002; al-Dhahabi, 2005).

Oleh kerana kehebatan beliau dalam bidang keilmuan khususnya lapangan tafsir, Ibn 'Atiyyah digelar sebagai *al-imām al-'allāmah Syaikh al-mufasssīrīn* dan *qudwah al-mufasssīrīn*. Bahkan beliau merupakan salah seorang rujukan dalam ilmu nahu serta tergolong sebagai salah seorang tokoh dalam mazhab imam Malik (Husayn al-Dhahabi, t.th). Ibn 'Atiyyah bukan sahaja mahir dalam ilmu tafsir, bahkan beliau menguasai ilmu fekah, hadis, syair dan ilmu berkaitan bahasa Arab. Ibn 'Atiyyah meninggal dunia di Riqqah pada tahun 546H (Dawūdi, t.th; al-Suyūṭi, 1974).

Tafsir *al-Muḥarrar al-Wajīz* merupakan tafsir dalam kategori *al-Ma'thur*. Karya ini menjadi saksi keunggulan Ibn 'Atiyyah dalam penguasaan ilmu bahasa Arab dan pelbagai ilmu berkaitan tafsir. Laras bahasa yang digunakan dalam kupasan pentafsiran adalah mudah, padat, tidak merelet dan jauh dari segala penyelewengan malah pentafsiran Ibn 'Atiyyah menepati aliran *ahl al-sunnah wa al-jamā'ah*. Selain pentafsiran menggunakan riwayat *al-ma'thur* yang terpilih, beliau banyak menggunakan syair dan kaedah nahu dalam menentukan makna kalimah. *ikhtilaf al-qirā'āt* pula banyak didapati dalam tafsir ini kerana ia membantu memberi dalam pentafsiran al-Qur'an (al-Dhahabi, 2005).

4.0 PEMBAHAGIAN QIRAAT DARI SUDUT PERBEZAAN ISM FĀ'IL

Terdapat enam kategori *ikhtilaf* qiraat *ism fā'il* didapati dalam al-Quran dan ditulis dengan *rasm* yang berbeza dalam *Maṣāḥif 'Uthmāniyyah*:

- i. *Ism fā'il* dengan *ṣifat mushabbahah*¹.

¹ Sifat *mushabbahah* bermaksud istilah yang dilafazkan ke atas seseorang yang mempunyai sifat tertentu dalam bentuk yang *dawām* (kekal), seperti sifat tinggi, rendah, mulia, dan sebagainya (al-Sāmīrā'i, 2007).

- Di bawah kategori ini, terdapat lima qiraat, iaitu:
- a- “حَادِرُونَ/حَادِرُونَ” al-Shu’arā’ [26]:56
 - b- “فَاكِهُونَ/فَاكِهُونَ” Yāsin [36]: 50
 - c- “فَاكِهِينَ/فَاكِهِينَ” al-Dukhān [44]: 27, al-Ṭūr [52]: 8, al-Muṭaffifīn [83]: 31
 - d- “فَارِهِينَ/فَارِهِينَ” al-Shu’arā’ [26]:149
 - e- “رَاكِيَةً/رَاكِيَةً” al-Kahf [18]:74
- ii. *Ism fā’il* dengan *Maṣdar*².
Di bawah kategori ini terdapat dua qiraat, iaitu:
- a- “طَائِفٌ/طَائِفٌ” al-A’raf [7]:201
 - b- “سَالِمًا/سَالِمًا” al-Zumar [39]: 29
- iii. *Ism fā’il* dengan *fi’l māḍī*
Di bawah kategori ini terdapat satu qiraat sahaja, iaitu “جَاعِلٌ/جَاعِلٌ” al-An’ām [6]: 96
- iv. *Ism fā’il* dengan *fi’l Mudāri’*.
Di bawah kategori hanya satu qiraat tetapi terletak pada dua tempat, iaitu:
- a- “تَهْدِي/تَهْدِي” al-Naml [27]:81
 - b- “تَهْدِي/تَهْدِي” al-Rūm [30]:53
- v. *Ism fā’il* dengan *jam’ al-taksīr*.
Di bawa kategori pula hanya satu qiraat sahaja, iaitu “حَاشِعًا/حَاشِعًا” al-Qamar [54]:7
- vi. *Ism fā’il* melibatkan kalimah “سَاحِرٌ”
Kategori ini melibatkan qiraat
- a- “سِحْرٌ/سِحْرٌ” al-Mā’idah [5]: 110, Hūd [11]: 7, Al-Ṣaf [61]: 6
 - b- “سِحْرَانٍ/سِحْرَانٍ” al-Qaṣaṣ [28]: 48
 - c- “سَحَّارٌ/سَحَّارٌ” Al-A’rāf [7]: 112, Yūnus [10]: 79

5.0 PENTAFSIRAN IBN ‘ATIYYAH TERHADAP IKHTILAF QIRAAT ISM FĀ’IL

Perbincangan Ibn ‘Atiyyah terhadap qiraat dalam kategori *ism fā’il* menunjukkan bahawa perbezaan qiraat memberi kesan yang signifikan terhadap pentafsiran al-Quran. Hasil kajian terhadap enam (6) kategori di atas juga menunjukkan perbezaan qiraat memberikan pentafsiran yang berbeza antara satu sama lain kecuali qiraat pada kalimah “فَارِهِينَ/فَارِهِينَ”, “سَالِمًا/سَالِمًا”, “جَاعِلٌ/جَاعِلٌ” dan “تَهْدِي/تَهْدِي” di mana perbezaan qiraat pada kalimah-kalimah ini

² *Al-Maṣdar* dari sudut bahasa bermaksud kata nama kerja. *Al-maṣdar* ditakrif sebagai lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu pekerjaan. contohnya lafaz اغتسل yang menunjukkan kejadian bagi perbuatan orang yang sedang membasuh (اغتسل) (al-Rājihī, 2000)



memberi makna yang sama. Jadual 1 di bawah menzahirkan makna-makna yang terhasil dari perbezaan qiraat yang telah dibahas oleh Ibn ‘Atiyyah:

Jadual 1: Kesan perbezaan qiraat *ism fail* terhadap pentafsiran

Kategori	Tafsiran
<i>Ism fā'il</i> dengan <i>ṣifat mushabbahah</i>	
حَاذِرُونَ	Qiraat ini bermaksud: “وَهُوَ الَّذِي أَحَدَّ بِحَاذِرٍ” iaitu orang yang telah mengambil sikap waspada atau berjaga-jaga
حَاذِرُونَ	Qiraat ini merupakan kata jamak daripada “حَاذِرٌ” dengan makna “الْمَطْبُوعُ عَلَى الْحَاذِرِ” iaitu orang yang mempunyai sikap semulajadi waspada.
فَاكِهُونَ/ فَاكِهِينَ	Qiraat ini bermaksud “أَصْحَابُ الْفَاكِهَةِ” iaitu orang yang memiliki buah-buahan
فَاكِهِينَ/ فَاكِهُونَ	Qiraat tanpa huruf <i>alif</i> ini berasal daripada “الْفُكَاهَةُ” yang bermaksud “لَا هَمَّ لَهُمْ” atau “الْمُرَحَّةُ”. Qiraat ini ditafsirkan dengan makna “فَرِحُونَ” orang yang riang, “طَرِبُونَ” orang yang bahagia, dan “مِرَاحٌ” orang yang bergurau senda. Qiraat “فَاكِهِينَ” dalam surah al-Dukhān [44]: 27, bermaksud “اسْتَيْهَزَأَ” iaitu mengejek dan “اسْتَيْخَفَأَ” meremeh. Berdasarkan daripada pentafsiran di atas, kedua-dua qiraat sama ada dengan huruf <i>alif</i> atau tanpanya membawa kepada satu maksud umum iaitu keadaan seseorang yang gembira atau dalam mood yang baik.
فَارِهِينَ/ فَارِهِينَ	Tafsiran kedua-dua qiraat diberikan secara umum tanpa menentukan secara fokus kepada salah satu daripada kedua-dua qiraat tersebut. Seseorang yang bersungguh-sungguh pada setiap apa yang mereka buat dan apa yang mereka suka makna asal bagi kedua-dua qiraat ini dengan: “الْفَرَاهَةُ” iaitu keelokan sesuatu pemandangan/binaan, dankemahirannya dan kekuatannya dan kesempurnaannya pada jenisnya” Berdasarkan definisi Ibn ‘Atiyyah di atas, kedua-dua qiraat ini membawa maksud yang sama iaitu kesempurnaan sesuatu binaan dari sudut kekuatan dan kecantikan hasil daripada kepakaran pengukirnya. Antara makna bagi “فَارِهِينَ/ فَارِهِينَ” ialah: كَبِيرِينَ - orang yang pintar

	<p>وَمُتَّهِمِينَ-orang yang berusaha</p> <p>شَرِهِينَ – keinginan tinggi</p> <p>أَقْوِيَاءُ -orang yang kuat</p> <p>أَشْرِينَ بَطْرِينَ -orang yang sombong</p> <p>استِجَادَةَ الْفَارِهِ مِنْ كُلِّ مَا تَصْنَعُونَهُ وَتَنْشِئُونَهُ – tuntutan kualiti dari setiap apa yang mereka buat dan apa yang mereka inginkan</p>
زَكِيَّة	<p>Kedua-dua qiraat ini mempunyai makna yang sama pada dasarnya, tetapi qiraat “زَكِيَّة” (tanpa huruf <i>alif</i>) di dalam ayat ini menurut Ibn ‘Atiyyah ialah sebagai pentunjuk bahawa remaja yang dibunuh oleh Nabi Khidir AS merupakan remaja yang belum baligh serta tiada dosa.</p>
زَاكِيَّة	
<i>Ism fā’il dengan Maṣḍar</i>	
طَائِفٌ	Qiraat “طَائِفٌ” bermaksud “مِمَّا طَافَ حَوْلَ الْإِنْسَانِ” sesuatu yang melingkari/mengelilingi manusia iaitu syaitan, sehingga membuat mereka nampak gila
طَيْفٌ	qiraat “طَيْفٌ” bermakna “اللَّمَمُ” iaitu penyakit gila,
سَلَمًا	Sama makna iaitu bersih atau sejahtera
سَالِمًا	
<i>Ism fā’il dengan fi’l Muḍāri’</i>	
تَهْدِي/يَهْدِي	Sama makna iaitu memberikan hidayah
يَهْدِي/يَهْدِي	
<i>Ism fā’il dengan fi’l māḍī</i>	
جَاعِلٌ	<i>Ism fā’il dengan makna fi’l māḍī</i>
جَعَلَ	
<i>Ism fā’il dengan jam’ al-taksīr</i>	
”خَاشِعًا/خُشِعًا“.	Tidak dibincangkan
<i>Ism fā’il melibatkan kalimah “سَاحِرٌ”</i>	
سَاحِرَانِ dan سَاحِرٌ	Qiraat “سَاحِرٌ”, menunjukkan isyarat ke individu yang mempunyai kemahiran sihir. Tafsiran ini diguna pakai pada keseluruhan tempat di dalam al-Quran yang terdapat khilaf ini”
سِحْرَانِ dan سِحْرٌ	Qiraat “سِحْرٌ” merujuk kepada <i>al-bayyināt</i> iaitu bukti-bukti atau mukjizat
سَحَارٌ	

سَاجِرٌ

Qiraat سَاجِرٌ adalah bentuk “*al-mubālaghah*” iaitu kepakaran sihir serta konsistensi dalam mengamal sihir.

Berdasarkan jadual di atas, perbezaan qiraat melibatkan *ism fā'il* dapat dirangkum kepada lima (5) perkara di bawah ini:

1. Variasi pentafsiran: Terdapat variasi interpretasi yang signifikan di antara qiraat dalam al-Quran. Perbezaan ini tidak hanya dalam pengucapan tetapi juga dalam makna yang dihasilkan.
2. *Ism fā'il dan sifah Mushabbahah*: Qiraat yang melibatkan *ism fā'il* dan sifat *mushabbahah* menunjukkan perbezaan dalam penggambaran karakter dan sifat seseorang, misalnya sikap waspada atau gembira sama ada ia adalah sifat tabi'i (asal) atau ia satu bentuk perbuatan yang sementara.
3. Kesetaraan makna: Beberapa qiraat, meskipun berbeza dalam pengucapan, membawa makna yang sama. Contohnya, kata-kata seperti "سَلَمًا/سَالِمًا" dan "جَعَلٌ/جَاعِلٌ" memiliki makna yang sepadan dalam konteks penggunaannya.
4. Pengaruh konteks: Beberapa qiraat memberikan makna yang berbeza ketika dipertimbangkan dalam konteks ayat-ayat tertentu, seperti dalam makna *sifah mushabbahah* "رُكْبَةٌ" yang merujuk pada remaja yang belum baligh dan tidak berdosa dan فَكِيهٍ tanpa huruf *alif* yang memberi maksud mengejek dan meremeh atau memandang rendah.
5. Implikasi lahjah atau dialek: Kajian ini menekankan pentingnya memahami implikasi linguistik dari perbezaan qiraat, yang dapat mempengaruhi interpretasi dan pengajaran yang dari ayat al-Quran.

Lima dapatan di atas menunjukkan betapa kompleksnya pengajian qiraat dalam al-Quran serta pentingnya pemahaman yang mendalam untuk memastikan pentafsiran yang jitu dan konsisten.

6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian terhadap perbahasan Ibn 'Atiyyah berkaitan qiraat dalam kategori *ism fā'il* menunjukkan bahawa perbezaan qiraat memberi kesan yang signifikan terhadap pentafsiran al-Quran. Sebagaimana enam (6) kategori yang telah dihipunkan di atas jelas menunjukkan perbezaan qiraat setiap kalimah memberikan pentafsiran yang berbeza antara satu sama lain kecuali qiraat pada kalimah "فَارِهِينَ/فَرِهِينَ", "سَلَمًا/سَالِمًا", "جَعَلٌ/جَاعِلٌ" dan "تَمْدِي/بِمَادِي" di mana perbezaan qiraat pada kalimah-kalimah ini memberi makna yang sama. Variasi linguistik seperti ini juga jelas menunjukkan bahawa setiap perbezaan periwayatan al-Quran itu kaya dengan pelbagai konteks penafsiran yang akhirnya dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap setiap nilai-nilai perincian makna ayat yang disampaikan pada al-Quran.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini



RUJUKAN

- Abū Dawūd, Sulaymān bin al-Najāh. (2002). Mukhtaṣar al-Tabyīn li Hijā' al-Tanzīl, Tahkik Ahmad Mu'ammār Sharshal. Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik al-Fahd.
- Al-Dhahabi, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. (2005). *al-Taḥfīr wa al-Mufasssīrūn*. kaheerah: Avand Daanesh
- Al-Dāni, Abū 'Amrū Uthmān bin Sa'īd. (2010). *al-Muqni' fi Ma'rifati Marsūm Maṣāḥif ahl al-Amṣār. Tahkik Nawrah binti Hasan al-Humaid*. Makkah: Dar al-Tadmuriyyah.
- Al-Ḍabbā', 'Ali bin Muḥammad (1999). *Samīr al-Ṭālibīn fi Rasm wa Ḍabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Kaheerah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Al-Dāwūdī, Muḥammad bin 'Ali. (t.th). *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*. Beirut: Dār al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- Al-Rājihī, 'Abduh. (2000). *al-Taṭbīq al-Nahw*. al-Iskandariyyah: Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'yyah.
- Al-Sāmīrā'i, Fāḍil Ṣāliḥ. (2000). *Ma'āni al-Nahw*. Ammān: Dār al-Fikr.
- Nur al-Dīn 'Iṭr, 'Ali As'ad & Inshirah Suwayd . (2004). *al-Tarjīh Bayn al-Qirā'āt, Aḥkāmuhu wa Mawqif al-Mufasssīrīn Minhu*. Majallah Buḥuth, Jāmi'ah Ḥalab, 1-20.
- Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Yūsuf. (t.th). *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Kaheerah: Matba'ah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Ibn 'Aṭīyyah, Abū Muḥammad 'Abd.al-Haq bin al-Ghālib. (2001). *al-Muharrar al-Wajīz fi Taḥfīr al-Kitāb al-'Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ismail Halim, A. M. (2022). *Perbezaan Etimologi dalam Qiraat al-Quran dan Kesannya kepada Pentafsiran : Kajian Terhadap Perkataan Fa'azallahumā (فَأَزَلَّهُمَا)*. Rabbanica, Vol. 3 No. 1, 73-88.
- Ziriklī, Khair al-Dīn Mahmud. (2002). *al-A'lām*. Dār al-'Ilm li al-Malāyīn: Beirut.